

PENYALAHGUNAAN DADAH DAN KEWAJARAN PERUNTUKAN HUKUMAN BERAT KE ATAS PENAGIH DADAH DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF SHARIAH

Disediakan: Prof. Madya Dr.Azman Mohd Noor
Jabatan Fiqh, UIA. azzmann@hotmail.com

Hakikat Penyalahgunaan Dadah



Penyalahgunaan Dadah Dari Sudut Syarak

- Tiada dalil yang jelas mengenai dadah dan pengharamannya.
- Sebab? Umat Islam mula mengenali dadah pada kurun ke tujuh Hijrah selepas memasuki Kerajaan Tartar.
- Dalil pengharaman dadah adalah berdasarkan kaedah dan prinsip yang digunakan untuk mengambil hukum dari nusus syarak.

Dalil Pengharaman Dadah

Berdasarkan Nas.

Contoh, hadith Ummu Salamah: "Rasulullah melarang setiap perkara yang memabukkan."

Dadah Merangkumi *Madlul Lafaz Khamr*.

Dadah memabukkan dan menghilangkan kesedaran.
Contoh: Fatwa Sheikh al-Qardhawi

Berdasarkan Kaedah *Qiyas*.

Dadah dan *Khamr* mempunyai 'illah yang sama.

Berdasarkan Maqasid *Syara'*.

Mengikut konsep *daf'u al-darar* dan *dar'u al-mafasid*.

Ancaman kepada 5 kepentingan asasi manusia.

Hukum Mengedar Dadah

- Jika diharamkan sesuatu benda dalam Islam, maka semua yang berkaitan dengannya mengambil hukum haram.
- Berdasarkan hadith Jabir:
(إن الله ورسوله حرم بيع الخمر والميتة والخنزير والأصنام)
- Pengedar dianggap sebagai pembunuh kerana memberi bahan yang boleh membunuh kepada penagih.
- Hukuman bagi pengedar adalah hukuman mati.
Justifikasi?

Hukuman Bagi Penyalahgunaan Dadah

- Ketagihan bukanlah penyakit.
- Ketagihan bukan alasan untuk pengecualian daripada hukuman.
- Hukuman berdasarkan keadaan. Antaranya:
 - Pesalah kali pertama mungkin boleh dimasukkan ke pusat serenti.
 - 'Repeat Offenders' pula patut dihukum seperti sebat 40 kali, diqiyaskan kepada hukuman bagi peminum arak. Boleh juga *dita'zir*.

Dalil Hukuman

- Daripada Anas bin Malik (RA) bahawa seorang lelaki didapati bersalam meminum arak telah dibawa kepada Rasulullah (SAW), beliau telah dikenakan hukuman 40 sebatan dengan pelepah tamar. Abu Bakar (pada masa pemerintahannya) juga telah melakukan perkara yang sama, sehinggalah pada masa Umar (menjadi khalifah), beliau telah berbincang dengan para sahabat dan Abdul Rahman bin Auf telah mencadangkan (supaya diperberatkan hukuman kepada 80 sebatan) hudud yang paling ringan iaitu 80 sebatan.
- Riwayat al-Bukhari dan Muslim. Sila lihat Bulugh al-Maram oleh Ibn Hajar al-Asqalani dengan terjemahan Bahasa Inggeris, Dar al-Salam Publication, Riyadh, Saudi Arabia, hadith no 1064, ms.444.

Sambungan.. Dalil

- Daripada Sayyidina Ali (RA) berkenaan kes al-Walid bin Uqbah bahawa Rasulullah (SAW) telah mengenakan 40 sebatan kepada peminum arak, begitu juga Abu Bakar (RA), adapun Umar(RA), beliau telah mengenakan 80 sebatan dan semua ini adalah sunnah, dan yang terakhir adalah yang paling aku sukai. Di dalam hadith ini disebut bahawa ada seorang menyaksikan bahawa al-Walid meminum arak. Sayyidina Uthman berkata dia tidak akan memuntahkannya kecuali setelah meminumnya. Riwayat dan lafaz Muslim. Al-Walid bin Uqbah adalah saudara seibu Sayyidina Uthman (RA), memeluk Islam tahun Pembukaan Makkah dan beliau telah dilantik menjadi gabenor Kufah semasa Sayyidina Uthman (RA) menjadi khalifah. Beliau telah dipecat jawatannya oleh khalifah kerana kesalahan meminum arak.

Sambungan Dalil

- Daripada Sayyidina Muawiyah (RA) bahawa Rasulullah bersabda berkenaan peminum arak: “Sekiranya dia minum arak (buat kali pertama) sebatlah dia 40 sebatan, sekiranya dia minum arak lagi (untuk kali kedua) sebatlah dia dengan 40 sebatan, sekiranya dia minum arak lagi (untuk kali ketiga) sebatlah dia dengan 40 sebatan, sekiranya dia minum lagi buat kali ke empat penggallah lehernya (hukuman mati).
- Walau bagaimanapun menurut Tarmizi hadith ini sudah dinasakhkan.
- Hadith riwayat Ahmad, Tarmizi, Baihaqi, al-Nasai dan Ibn Majah. Sila lihat Bulugh al-Maram oleh Ibn Hajar al-Asqalani dengan terjemahan Bahasa Inggeris, Dar al-Salam Publication, Riyadh, Saudi Arabia, hadith no 1060, ms. 445.

Rumusan

- Pengedaran dan pengambilan dadah adalah suatu kesalahan yang wajar dijatuhkan hukuman.
- Hukuman bagi penagih dadah di Malaysia perlu ditinjau semula. Penagih mestilah dihukum seperti kesalahan minum arak.
- Tanggapan bahawa mereka adalah sakit tidak boleh diterima menurut perspektif Shariah